

UM 26 SEP 2001 Mahathir utus surat pada Blair bincang isu keganasan

PUTRAJAYA, 25 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengutus surat kepada Perdana Menteri Britain, Tony Blair dalam usaha mencari penyelesaian kepada masalah keganasan termasuk keganasan yang diizinkan oleh negara.

Dalam suratnya yang dihantar baru-baru ini, Perdana Menteri menyentuh antara lain tentang perlunya diadakan persidangan antara-

bangsa mengenai keganasan dan mengaitkan sekali keganasan dengan apa yang sedang berlaku di Palestin, Iraq dan Sudan.

“Saya belum dapat apa-apa jawapan daripada Perdana Menteri Britain kerana mungkin beliau sibuk.

“Tetapi pendirian kita ialah sepatutnya diadakan satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan untuk membolehkan kita mem-

buat definisi apa yang dimaksudkan dengan keganasan, dan apa tindakan yang boleh diambil, dan keganasan itu hendaklah turut meliputi keganasan yang diizinkan oleh negara,” katanya pada sidang media di pejabatnya di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau sebelum itu telah menulis kepada Perdana Menteri Britain itu berikutan keputusannya membatalkan lawa-

tannya ke United Kingdom pada 12 September lepas. Lawatan itu dibatalkan pada saat-saat akhir berikutan tragedi serangan pengganas di New York dan Washington pada 11 September lalu.

Dalam surat balasannya, Blair menyentuh antara lain tentang serangan yang dahsyat yang telah berlaku di Amerika Syarikat itu dan meminta supaya Malaysia menyokong tindakan yang

diambil untuk memburu pengganas.

“Saya telah tulis balik bahawa saya bersetuju dengan tindakan memburu pengganas tetapi pada masa yang sama sebab-sebab kenapa ada tindakan ganas ini perlu diberi perhatian.

“Dan satu tindakan awal perlu diambil terutamanya di Palestin... Malaysia telah meminta supaya sebagai langkah awal, kita minta sebe-

lum daripada ini pun, supaya ada pasukan pemerhati dihantar ke Palestin, dan ini telah ditentang oleh Israel dan juga Amerika Syarikat,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia berpendapat jika tindakan sedemikian diambil, lebih mudahlah untuk menentukan tidak ada keganasan di Palestin sama ada oleh pihak Palestin ataupun Israel.